



USUL SIDANG MUDA 2021

DEWAN INI MENCADANGKAN KERAJAAN NEGERI MENYEDIAKAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK PASCA-PANDEMIK YANG MEMBERI FOKUS TERHADAP PEMERKASAAN WANITA DAN BELIA

1. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan, barisan ahli kerajaan, perwakilan pembangkang, serta ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera saya ucapkan buat semua.

Tuan Yang di-Pertua Dewan,

2. Saya mohon izin untuk mengagaskan satu usul untuk dibahaskan bersama, bahawa

DEWAN INI MENCADANGKAN KERAJAAN NEGERI MENYEDIAKAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK PASCA-PANDEMIK YANG MEMBERI FOKUS TERHADAP PEMERKASAAN WANITA DAN BELIA.

Tuan Yang di-Pertua Dewan dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

3. Sejak pandemik COVID-19 melanda dunia pada Disember 2019, kehidupan manusia sudah berubah 180 darjah. Segala aktiviti yang kita lakukan selama ini terhalang dan kita terpaksa beradaptasi dengan norma baharu serta dunia dalam talian semata-mata untuk meneruskan kehidupan.

4. Bukan itu sahaja, pandemik ini juga telah meragut jutaan nyawa setiap hari menyebabkan kerajaan di seluruh dunia mengambil langkah berjaga-jaga dengan memperkenalkan prosedur operasi standard (SOP) tersendiri berdasarkan data dan sains dalam mendepani wabak COVID-19 ini.

5. Setelah lebih setahun kita berhadapan dengan wabak ini, segala aspek kehidupan kita menerima dampaknya. Ekonomi jatuh merudum, kadar pengangguran meningkat tinggi, kes positif COVID meningkat saban hari, dan banyak lagi kes-kes yang berlaku dalam kalangan rakyat terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan Persekutuan telah pun memperkenalkan banyak pakej rangsangan ekonomi seperti pakej PRIHATIN, PEMERKASA, PENJANA dan sebagainya yang mencecah RM530 bilion. Begitu juga Kerajaan Negeri yang telah melancarkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang berjumlah lebih RM75 juta. Semua ini merupakan langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk membantu kehidupan rakyat yang terjejas teruk akibat pandemik.

7. Namun, untuk kita bangkit dan pulih daripada COVID-19 ini, kita juga perlu memberi fokus terhadap kemaslahatan para wanita dan belia negara kita. Dalam keadaan semasa, kerajaan berpendapat bahawa kita perlukan satu pelan tindakan strategik yang mempunyai kapasiti jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang memberi fokus terhadap golongan wanita dan belia negara kita.

8. Hasil tinjauan daripada firma penyelidikan pasaran dan perundingan antarabangsa, Ipsos, mendapati bahawa wanita dan belia paling terkesan akibat pandemik ini. Tahap keresahan dan stres dalam kalangan rakyat Malaysia tatkala berdepan dengan pandemik COVID-19 adalah paling tinggi dalam segala aspek berbanding 27 negara yang lain. Berhubung stres berkaitan tekanan akibat keluarga, sebagai contoh melibatkan penjagaan anak, tinjauan Ipsos mendapati kadar tekanan di Malaysia mengatasi dengan 58 peratus berbanding 45 peratus di peringkat global.

9. Menurut statistik dikeluarkan pertubuhan Sister In Islam (SIS), kes keganasan rumah tangga tahun lalu direkodkan sebanyak 23 peratus jika dibandingkan ketika 2019 yang mencatatkan 15 peratus.

Menurut kenyataan SIS, antara bentuk keganasan dialami adalah penderaan fizikal (37 peratus), penderaan psikologi (31 peratus), penderaan sosial (11 peratus), penyalahgunaan kewangan (16 peratus) dan keganasan seksual (5 peratus).

10. Laporan Tinjauan Kesan COVID-19 kepada Ekonomi dan Individu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang melibatkan seramai 168,182 responden berumur 15 tahun ke atas daripada pelbagai sektor telah menunjukkan 46.6 peratus responden bekerja sendiri (tanpa mengira umur) telah kehilangan pekerjaan sepanjang COVID-19. Berdasarkan dapatan tinjauan ini juga, jumlah kehilangan pekerjaan disebabkan krisis COVID-19 ini dijangka mencecah 2.1 juta.

11. Oleh sebab itu, kita perlu merangka suatu pelan yang komprehensif merangkumi jangka masa pendek dan masa panjang buat golongan wanita dan belia pasca-pandemik COVID-19 ini. Segala bentuk bantuan, subsidi, serta inisiatif-inisiatif lain perlu dibentangkan dan dinilai kesesuaiannya buat kedua-dua golongan ini.

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mempunyai rekod yang baik dalam mengangkat isu wanita dan belia. Di bawah Kerajaan Negeri, kita mempunyai pusat pembangunan wanita dan belia seperti PWDC dan PYDC.

13. Kerajaan Negeri juga telah melancarkan *Gender Responsive & Participatory Budgeting* (GRP) pada tahun 2012 dan melancarkan Dasar Keterangkuman Gender pada tahun 2019. GRPB telah dikendalikan oleh PWDC dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Fokus utama GRPB adalah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memanfaatkan komuniti khususnya buat golongan wanita. Di bawah Dasar Keterangkuman Gender, GRPB telah diimplementasikan sepenuhnya di bawah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Antara inisiatif GRPB sejak 2014 ialah Projek Perumahan Rakyat (PPR), projek tempat awam, projek *Participatory Budgeting* (PB), dan projek kolaborasi.

14. Ini merupakan suatu asas yang baik bagi menyediakan sebuah pelan tindakan strategik buat wanita dan belia negara kita, khususnya buat wanita dan belia Pulau Pinang.

Saya mohon usul diterima. Terima kasih.

Mohamad Aqriel Shazwan Md Shahrudin

EXCO Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan
Sidang Muda 2021

